

SOALAN NO. 224**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : YANG BERHORMAT TUAN SIVARASA A/L K.
RASIAH [SUBANG]**

SOALAN :

YB Tuan Sivarasa A/L K. Rasiah [Subang] minta PERDANA MENTERI menyatakan untuk tahun-tahun 2013-2017 bilangan bantahan kepada pendaftaran pengundi baru yang diterima oleh Suruhanjaya Pilihan Raya dan juga pecahan berdasarkan kawasan Parlimen dan kaum pengundi yang dibantah.

**JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI.**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah bantahan yang telah dibuat oleh pembantah bagi pendaftaran baru dari tahun 2014 hingga 2017 (Sehingga bulan Mac 2017) adalah sebanyak 23,451 bantahan. Walau bagaimanapun, tiada bantahan yang telah dibuat oleh pembantah terhadap urusan pendaftaran pemilih pada tahun 2013.

Sekian, terima kasih.

**SIDANG DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA
PARLIMEN KETIGA BELAS (2017)**

PERTANYAAN : **BERTULIS**
DARIPADA : **TUAN SIVARASA A/L K.RASIAH**
[SUBANG]
SOALAN : **225**

minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan berapa peratus kapasiti ketiga-tiga satelit milik Malaysia digunakan setakat ini dan siapa adalah pengguna-pengguna utama.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan Malaysia telah melancarkan dua satelit penderiaan jauh (*remote sensing*) iaitu TiungSAT-1 pada 26 September 2000 dan RazakSAT pada 14 Julai 2009. TiungSAT dibangunkan bersama Surrey Space Technology Ltd (SSTL), UK sementara RazakSAT bersama Satrec Initiative, Korea Selatan.

Pada masa ini, kedua-dua satelit tersebut telah tamat tempoh hayat pengoperasiannya. Kedua-dua satelit ini dibangunkan bagi tujuan penyelidikan dan pembangunan (R&D) untuk aplikasi *remote sensing*. Misi TiungSAT-1 ialah pencerapan bumi untuk aplikasi kaji cuaca dan alam sekitar, ujikaji saintifik Cosmic-Ray Energy Disposition Experiment

(CEDEX) dan juga aplikasi komunikasi dalam *digital store and forward*. Data-data yang diterima dari satelit ini telah digunakan dalam penyelidikan pengurusan dan pemantauan alam sekitar termasuk pesisiran pantai, pemetaan kualiti air dalam ekosistem marin dan pemetaan tumbuhan hutan.

Program pembangunan satelit TiungSAT-1 juga telah berjaya melatih sepasukan 8 orang jurutera dan saintis negara dalam merekabentuk, membangun dan melancar satelit mikro negara yang pertama ke Orbit Rendah Bumi (*Low Earth Orbit, LEO*).

RazakSAT® pula mempunyai misi untuk pencerapan bumi beresolusi tinggi yang sesuai digunakan dalam pelbagai bidang aplikasi seperti pemetaan, pertanian, perhutanan, perladangan, perikanan dan pengurusan bencana. Sebanyak 1,328 imej telah berjaya dicerap oleh satelit RazakSAT® sepanjang tempoh pengoperasiannya.

Imej dari satelit-satelit ini telah digunakan untuk tujuan R&D dalam pelbagai bidang pengupayaan angkasa seperti *remote sensing*, komunikasi dan aplikasi teknologi angkasa oleh institusi pengajian tinggi tempatan seperti Universiti Teknologi Malaysia, Universiti Kebangsaan Malaysia, Universiti Putra Malaysia dan Universiti Islam Antarabangsa.

Ketika ini, negara tidak mempunyai satelit yang sedang beroperasi di orbit dan bergantung sepenuhnya kepada satelit luar atau milik negara asing. Kementerian memandang serius kepada keperluan kesinambungan program pembangunan satelit. Ketika ini pembangunan satelit ketiga negara, RazakSAT-2, sedang dalam proses rundingan. Dalam memperkasakan kapasiti dan keupayaan negara, program berterusan

dalam bidang angkasa diharapkan dapat mengurangi kebergantungan negara kepada satelit luar.

Sekian, terima kasih.